



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU) BILANGAN 1 TAHUN 2020

**PUTRAJAYA, 21 Disember 2020** - YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bilangan 1 Tahun 2020.

Mesyuarat pada hari ini telah mengemukakan dua cadangan iaitu Penggunaan Plat Kenderaan OKU oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Penubuhan Yayasan Pembangunan Orang Kurang Upaya (YPOKU) oleh Sekretariat Pembangunan Inklusiviti Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia.

Mesyuarat hari ini bersetuju dengan cadangan penggunaan Plat Kenderaan OKU bagi menggantikan pekat kenderaan OKU adalah bagi mengambil kira kepentingan dan keperluan OKU serta waris yang memerlukan kemudahan ini disebabkan oleh limitasi mobiliti dan faktor keselamatan. Kategori OKU yang layak bagi penggunaan plat kenderaan ini adalah kategori Fizikal, Sub Kategori OKU Pembelajaran iaitu *Attention Deficit Hyperactive Disoder (ADHD) Severe, Autism Severe*, OKU Kategori Pelbagai dan Waris OKU berkenaan (1 waris) yang berdaftar dengan JKM. Cadangan ini akan membolehkan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan fasiliti OKU dapat dilaksanakan secara bersepadu dan meluas oleh pihak berkuasa.

Manakala bagi cadangan Penubuhan Yayasan Pembangunan Orang Kurang Upaya (YPOKU) pula, dilihat amat bertepatan dengan keperluan semasa dan akan memberikan implikasi yang signifikan kepada pembangunan dan pemerksaan OKU di Malaysia. Mesyuarat MKBOKU secara dasarnya setuju mengenai cadangan penubuhan Yayasan OKU. Walau bagaimanapun, pelaksanaan, struktur dan mekanisme bagi cadangan ini akan diperhalusi dan diperincikan terlebih dahulu sebelum ia dapat dilaksanakan.

Dalam mesyuarat ini juga, empat kertas makluman telah dibentangkan iaitu Pelan Perancangan Bersepadu Penambahbaikan Penyertaan Orang Kurang Upaya dalam Perkhidmatan Awam, Kemudahan dan Aksesibiliti yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya kepada OKU di Tempat Mengundi, Hak Pekerja OKU di bawah Undang-Undang di Malaysia, dan Pengurusan & Pemberdayaan OKU Kelantan.

YB Menteri berharap agar MKBOKU akan terus diperkasa bagi memperjuangkan hak OKU serta menjadi platform kepada Kerajaan ke arah pembangunan dan pemerksaan OKU di negara kita.

####

Disediakan oleh:

**Unit Perhubungan Awam**

Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 18, No 55 Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 Putrajaya  
03-83231773